

Urus hasil negeri dengan cekap: Musa

Kota Kinabalu: Kejayaan kerajaan negeri menerima Sijil Tanpa Teguran selama 12 tahun berturut-turut bagi pengurusan kewangannya dari Jabatan Audit Negara membuktikan pengurusan hasil negeri ini dilaksanakan dengan baik, cekap dan teratur.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata pencapaian itu dinikmati hasil kesungguhan kerajaan negeri mengamalkan pengurusan kewangan berhemah hingga meningkatkan kedudukan kewangan banyak jabatan, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

“Sebelum ini ada jabatan, agensi dan GLC yang terpaksa meminjam kerana tidak memiliki kewangan yang ku kuuh tetapi sekarang, bukan saja ada kewangan yang baik malah mampu membayar dividen kepada kerajaan negeri.

“Ia dicapai menerusi amalan pengurusan kewangan yang mementingkan akauntabiliti, telus dan cekap,” kata dia pada majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Ja-

batan Audit Negara bagi 2011, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang; Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan; Setiausaha Kerajaan negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan negeri, Datuk Pengiran Hasnel Pengiran Mohd Tahir.

“Ia dicapai menerusi amalan pengurusan kewangan yang mementingkan akauntabiliti, telus dan cekap”

Musa Aman,
Ketua Menteri Sabah

Tohmah pihak tertentu

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri, berkata ia turut membuktikan tanggapan negatif dan tuduhan pihak tertentu yang sering mempertikaikan kecekapan pengurusan kewangan kerajaan sebagai tohmahan semata-mata.

“Kita akan terus berusaha memperluaskan lagi sumber pendapatan supaya pembangunan yang rancak dilaksanakan oleh kementerian, jabatan atau agensi negeri dapat ditingkatkan lagi,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata kerajaan negeri berpuas hati dengan tahap pengurusan kewangan jabatan dan agensi negeri apabila enam daripada 34 yang diaudit Jabatan Audit Negara tahun lalu menerima pengiktirafan empat bintang.

Pengurusan kewangan cekap

» Jabatan Bendahari lakukan sejarah terima 4 bintang empat tahun

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah
thaddius@bharian.com.my

■ Kota Kinabalu

Pengurusan kewangan jabatan dan agensi kerajaan negeri Sabah bertambah baik berikutan peningkatan bilangan yang mendapat pengiktirafan empat bintang daripada Jabatan Audit Negara kepada enam pada tahun lalu berbanding tiga pada 2010.

Laporan jabatan berkenaan turut menyatakan Jabatan Bendahari negeri melakar sejarah sebagai jabatan menerima pengiktirafan empat bintang atau sangat baik paling lama iaitu empat tahun berturut-turut sejak 2008.

Tiga jabatan cemerlang

Daripada jumlah itu, tiga jabatan menunjukkan prestasi cemerlang apabila mencatat empat bintang tahun lalu berbanding tiga bintang pada 2010 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN), Jabatan Cetak Kerajaan Negeri dan Lembaga Bandaran Kudat (LBK).

Dua lagi, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Korporasi Pembangunan Desa (KPD) pertama kali menerima pengiktirafan berkenaan.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata dari



Musa menyampaikan anugerah kepada Sukarti (kanan) sambil diperhatikan Ambrin pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi 2011, di Kota Kinabalu.

[FOTO EDMUND SAMUNTING/BH]

pada 34 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan negeri yang diaudit, 21 lagi diberi pengiktirafan tiga bintang (baik), manakala tujuh di tahap memuaskan.

Kekal rekod

Beliau berkata, Sabah turut mengekalkan rekod cemerlang menerima Sijil Tanpa Teguran bagi pengurusan kewangan kerajaan negeri apabila diberikan sijil itu 12 kali berturut-turut iaitu dari 2000 hingga tahun lalu.

“Kita turut mendapat prestasi kewangan kerajaan negeri berada di tahap yang baik pada tahun lalu dan antara

terbaik di seluruh negara,” katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi 2011, di sini, semalam.

Majlis disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman. Hadir sama, Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titigan; Setiausaha Kerajaan negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan negeri, Datuk Pengiran Hasanel Pengiran Mohd Tahir.

Ambrin berkata, setakat ini 89 peratus daripada jabatan

dan agensi kerajaan negeri sudah mengemukakan penyata kewangan tahun lalu.

Berdasarkan rekod Jabatan Audit Negara, katanya, sebanyak 40 Sijil Tanpa Teguran dan 14 Sijil Berteguran dikeluarkan kepada agensi kerajaan negeri bagi penyata kewangan 2010 dan 2011 untuk tempoh Januari 2011 hingga Jun 2012.

“Ini menggambarkan, kerajaan negeri melalui agensinya semakin peka terhadap tuntutan dasar dan peraturan kewangan dalam mengekalkan akauntabiliti dan integriti pengurusan kewangan serta tadbir urus,” katanya.

BERITA HARIAN

26 SEPTEMBER 2012

MUKA SURAT 2

Laporan audit selepas bajet

Laporan Audit 2011 akan dikeluarkan selepas seminggu Perdana Menteri membentangkan Bajet 2013.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, bagaimanapun berkata laporan audit itu sudah siap dan dijangka dikeluarkan selepas bajet dibentangkan di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

“Ini bagi membolehkan lebih banyak ruang perbahasan diadakan supaya pembentangan laporan audit tidak mencuri tumpuan bajet.

“Ia juga bagi memberi peluang kepada wakil rakyat membincang dan memberikan lebih fokus mengenai pembentangan bajet serta laporan audit,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen semalam.